

# Dari Sabah menjelajah ke Sarawak

## ► 50 ahli Kekaumas jayakan Hari Pekerja Kebangsaan 2015

UB 7.5.2015 B5

**SERAMAI 50** ahli Kesatuan Kakitangan Am Universiti Malaysia Sabah (Kekaumas) berjaya mengharungi satu perjalanan yang amat jauh, iaitu dari Utara Borneo di Sabah hingga Selatan Bumi Kenyalang Sarawak menggunakan perjalanan darat yang memakan masa lebih 42 jam untuk sampai di Kuching.

Mereka membawa semangat untuk bersama-sama lebih 10,000 pekerja meraikan majlis sambutan Hari Pekerja peringkat kebangsaan tahun 2015 di

Borneo Convention Centre Kuching, Sarawak pada 1 Mei lalu.

Kontinjen UMS yang diketuai oleh Presiden Kekaumas Amat Jutrah Haji Musnih itu telah bertolak pada 28 April dengan menggunakan sebuah bas dan sebuah van. Mereka telah melalui Negara Brunei Darussalam dan bermalam di Perkampungan Sukan Petronas Miri sebelum meneruskan perjalanan ke Kuching.

Dalam sesi taklimat dan perjumpaan bersama Pemangku Pendaftar Universiti Malaysia Sabah

No'man Haji Ahmad, Amat Jutrah berkata penyertaan kontinjen seramai 50 ahli kesatuan untuk sambutan Hari Pekerja tahun ini adalah satu-satunya penyertaan yang paling ramai yang pernah dihantar oleh pihak pengurusan UMS memandangkan ia julung-julung kalinya diadakan di Kepulauan Borneo.

Pada masa lalu, pihak UMS hanya menghantar penyertaan kurang dari 20 ahli sahaja kerana melibatkan perbelanjaan yang besar.

Amat mengucapkan jutaan terima kasih kepada

Naib Canselor UMS Prof Datuk Dr Mohd Harun Abdullah dan No'man yang memberikan kerjasama serta komitmen yang terbaik dan peruntukan kepada kontinjen UMS pada tahun ini.

Dalam majlis sambutan Hari Pekerja di Kuching itu, Kesatuan Kakitangan Am UMS menyertai pertandingan kontinjen terbaik untuk peringkat kebangsaan tetapi amat malang Kontinjen UMS telah diasingkan dari dewan utama.

No'man mengucapkan syabas dan tahniah di atas



**AHLI** Kekaumas bersama mantan Presiden Cuepac Datuk Omar Osman (bersongkok).



**AHLI** Kesatuan Kakitangan Am UMS yang menyertai Hari Pekerja peringkat kebangsaan di Kuching, Sarawak pada 1 Mei lalu.

penyertaan sambutan Hari Pekerja tahun ini dan meminta kepada semua ahli agar membawa nama baik UMS, menjaga imej serta bersopan santun kerana majlis berkenaan akan disertai oleh semua peringkat pekerja dari seluruh Malaysia.

Di dalam dewan yang terpisah itu, Kontinjen UMS telah diberikan tepukan yang gemuruh oleh semua kontinjen yang menyaksikan jabatan dan kerjaya masing-masing dipersembahkan yang

telah dipersembahkan oleh semua 50 peserta.

Kesemua ahli kesatuan yang mengikuti sambutan Hari Pekerja di Kuching itu selamat tiba di Kota Kinabalu kira-kira jam 10 malam pada 4 Mei lalu.

“Saya berharap ahli yang menyertai dan menjayakan Hari Pekerja 2015 akan menggunakan pengetahuan dan pengalaman yang diperolehi untuk kebaikan jabatan dan kerjaya masing-masing di UMS,” katanya.